

17/08/2002

Perpaduan, pekerja antara isu utama

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

MALAYSIA Nanban (Nanban) dan Tamil Nesan (Nesan) mengalu-alukan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya diwujudkan kelab untuk pelajar universiti pelbagai kaum sebagai langkah memupuk perpaduan dan interaksi di kalangan mereka.

Nesan, dalam editorialnya, menyatakan bahawa penubuhan kelab itu seharusnya dimulakan pada peringkat sekolah rendah kerana tugas itu akan menjadi lebih mudah jika dimulakan dari akar umbi, sekali gus menjadikan pelajar lebih selesa bergaul sesama mereka apabila meningkat dewasa.

Akhbar itu turut mencadangkan penubuhan kelab seumpama di kalangan masyarakat setempat supaya semangat itu dapat dihayati golongan dewasa yang sejak akhir-akhir ini semakin terpengaruh dengan ideologi bersifat perkauman yang cuba diketengahkan pihak tertentu.

Merujuk kepada laporan akhbar tempatan tidak lama dulu mengenai tindakan segelintir ibu bapa yang melarang anak mereka bergaul dengan kaum lain, Nesan berpendapat tindakan itu hanya akan memecahbelahkan masyarakat dan menjejaskan usaha kerajaan membangunkan negara.

Nanban pula menyatakan semangat perpaduan dan keharmonian zaman sebelum merdeka yang terhakis selepas peristiwa 13 Mei 1969, semakin menyerlah di kalangan masyarakat sekarang.

Menurut akhbar itu, tugas memupuk semula semangat yang semakin luntur itu tidak wajar ditumpukan terhadap pelajar saja, sebaliknya nasihat Dr Mahathir harus dijadikan iktibar oleh segenap lapisan masyarakat.

Dalam perkembangan lain, Nanban melaporkan ada sekumpulan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang tidak puas hati mengenai simposium membincangkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan di semua sekolah.

Kumpulan itu mendakwa 45 orang yang berpeluang menyampaikan pendapat daripada kumpulan hampir 450 peserta itu sudah ditetapkan lebih awal bagi memberi gambaran seolah-olah tiada yang menentang cadangan itu.

Pengerusi pro-tem Yayasan Pembangunan Pendidikan Tamil Malaysia (MTEDF), M Manogar, dipetik sebagai berkata beliau kurang yakin dengan jaminan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, bahawa pelaksanaan dasar baru itu tidak akan menghakis identiti sekolah Tamil.

Katanya, keputusan peperiksaan di sekolah Tamil baru-baru ini menunjukkan prestasi pelajar terbabit dalam mata pelajaran Sains dan Matematik adalah jauh lebih baik berbanding pencapaian sekolah kebangsaan lain.

Beliau juga menegur tindakan MIC kerana membelakangkan kepentingan sekolah Tamil dalam isu berkenaan demi kepentingan parti sedangkan ia adalah wakil keseluruhan masyarakat India dalam Kabinet.

Dalam simposium Sabtu lalu itu, polis juga menahan sekumpulan 50 lelaki dan wanita yang mengedarkan risalah membantah pelaksanaan kerajaan itu kepada peserta simposium di ruang legar Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Selain itu, Nesan turut melaporkan MIC sedia mencalonkan beberapa muka baru, termasuk wanita, jika diperuntukkan kerusi tambahan dalam pilihan raya akan datang.

Samy Vellu dipetik sebagai berkata, permintaan mendapatkan peruntukan kerusi itu sudah disampaikan kepada Dr Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Dalam proses persempadanan semula kawasan pilihan raya, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mencadangkan tambahan 25 kerusi Parlimen dan 59 kerusi

Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk pilihan raya umum akan datang.

Sementara itu, tempoh permit 15,000 pekerja asing yang tamat kelmarin sekali lagi menjadi isu tumpuan semua akhbar berbahasa Cina minggu ini.

Penganalisis Nanyang Siang Pau, Khamis lalu, mencadangkan kerajaan merangka satu dasar pekerja asing yang sesuai dengan situasi dalam negara dan proses permohonan ringkas bagi membolehkan pekerja asing mahir serta separuh mahir bekerja di negara ini.

Pada masa sama, kerajaan juga boleh menubuhkan unit khas untuk menguruskan hal ehwal pekerja asing bagi menilai dan memilih pekerja asing mahir bagi majikan tempatan.

Semalam, Pegawai Perhubungan Jabatan Imigresen, Ahmad Shukri Abdul Majid dipetik China Press sebagai berkata, pihaknya menerima lebih 45,000 permohonan untuk melanjutkan tempoh permit sementara.

Editorial China Press, Jumaat lalu, menasihatkan majikan supaya mendapatkan pekerja asing melalui saluran sah demi menjamin kepentingan pekerja tempatan dan asing.

Yang penting, kerajaan harus mengetatkan penguatkuasaan untuk memastikan pekerja asing tanpa izin tiada peluang memasuki negara ini.

Semalam, Nanyang Siang Pau menasihatkan pemaju agar menggunakan teknologi tinggi menggantikan tenaga manusia untuk meningkatkan kualiti industri dan daya saing negara serta mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing.

Kelmarin, Pengarah Bahagian Pekerja Asing Jabatan Imigresen, Jamel Ariffin, dipetik Nanyang Siang Pau sebagai berkata, sejak tiga hari lalu, agensi itu dikunjungi orang ramai disebabkan sikap degil majikan yang hanya memperbaharui permit pekerja pada saat-saat akhir.

Selain itu, katanya, kesesakan juga disebabkan majikan yang ingin memohon tempoh permit dilanjutkan enam bulan lagi.

Beliau berkata, pihaknya sudah mencuba pelbagai cara termasuk melanjutkan masa pejabat sehingga jam 9 malam dan membuka 11 kaunter.

Dalam perkembangan lain, editorial Sin Chew Jit Poh membidas tindakan Amerika Syarikat mengetatkan syarat permohonan visa ke negara itu.

Menurut akhbar itu, tindakan berkenaan hanya akan meluaskan jarak di antara Amerika dengan negara lain manakala orang ramai akan menganggap Amerika sebagai negara yang sombong.

Jika Amerika tidak melonggarkan kawalan pengeluaran visa itu, ia mungkin menjejaskan industri pelancongan, perdagangan, kebudayaan, pertukaran pakar dan menyebabkan masyarakat dunia menolak negara itu.

Akhbar itu berpendapat, Amerika sepatutnya bersikap lebih rasional dan membezakan kewarganegaraan serta bangsa pemohon mengikut kategori amat berbahaya, berbahaya dan tidak berbahaya.